

11 NOV 1999

Razaleigh-Calon

UMNO KELANTAN SERAH KEPADA PUCUK PIMPINAN TENTUKAN CALON

KOTA BAHARU, 11 Nov (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan calonnya di Kelantan pada pilihan raya umum ini.

Beliau berkata, ketika ini Umno Kelantan akan pastikan semua pihak bekerja keras untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN).

"Kita yakin rakyat Kelantan akan bersama Umno untuk menukar kerajaan pada pilihan raya ini," katanya kepada Bernama ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dekat sini, hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, kecuali Sabah dan Sarawak, berkuatkuasa hari ini.

Ditanya mengenai keyakinan Perdana Menteri bahawa BN dapat menawan Kelantan daripada PAS pada pilihan raya umum ini, Tengku Razaleigh berkata, persiapan sudah dibuat dan beliau yakin BN dapat menawan Kelantan.

Beliau meminta rakyat Kelantan memastikan mereka memilih BN bagi membolehkan BN membela nasib rakyat.

Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa pula berkata rakyat Kelantan jelas sudah muak dengan PAS dan beliau yakin BN dapat menawan semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUN) pada pilihan raya ini.

"Kerjasama semua pihak dan komitmen anggota parti akan dapat memastikan BN menguasai Kelantan daripada PAS," katanya.

PAS kini menguasai 26 kerusi DUN manakala BN memegang 17. Bagi Parlimen, PAS menguasai enam kerusi manakala BN lapan kerusi.

-- BERNAMA

ANM NMO